

22/10/2001

Formula Dr M kepada Bush

Mior Kamarul Shahid

KALAU tidak silap, pemimpin dunia pertama yang muncul dalam berita CNN sebaik saja Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington, Amerika Syarikat diserang 11 September lalu ialah pemimpin Palestin, Yasser Arafat. Sewaktu ditemu bual, Arafat ternyata kelihatan begitu gugup, mungkin bimbang tuduhan dilemparkan kepada rakyatnya yang melakukan angkara.

Sama ada secara kebetulan atau CNN sememangnya mencari Arafat untuk ditemu bual, tidak dapat dipastikan. Yang nyata, pada peringkat itu CNN cuba meramalkan bahawa isu di Asia Barat mungkin menjadi salah satu punca serangan berlaku. Itulah sebabnya mereka mencari Arafat untuk mendapatkan reaksi paling awal.

Rakyat atau tentera Palestin mungkin tidak terbabit dalam serangan nekad itu, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa memang ramai golongan yang menyokong perjuangan Palestin, marah terhadap tindakan Amerika Syarikat yang seolah-olah merestui rakyat Palestin dibunuh sewenang-wenangnya oleh tentera Yahudi.

Dalam pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, di Shanghai, China kelmarin, Perdana Menteri mengingatkan bahawa keganasan antarabangsa tidak akan berakhir sekiranya krisis di Asia Barat belum tamat. Bush perlu menerima hakikat bahawa Dr Mahathir lebih berpengalaman daripadanya. Dr Mahathir lebih mengenali dan sering berbincang dengan ramai pemimpin dunia, termasuk dari dunia Islam, berbanding Bush yang baru saja memegang jawatan itu.

Kelebihan Bush hanyalah beliau memimpin sebuah negara kuasa besar. Beliau perlu banyak belajar daripada pemimpin yang lebih lama berkecimpung dalam arena politik antarabangsa. Disebabkan pandangan Dr Mahathir dihormati bukan saja di kalangan negara Islam, malah oleh negara kuasa besar lain, Bush perlu mendapatkan nasihat Perdana Menteri Malaysia berhubung masalah yang dihadapi negaranya sekarang. Apatah lagi, Bush menyedari Malaysia adalah sebuah negara yang banyak memberi sumbangan kepada keamanan dunia.

Rasanya Bush memang menghormati Dr Mahathir. Bush bukan saja sanggup menelefon Dr Mahathir dan meminta cadangan bertulis terhadap penyelesaian isu penganas, malah kesempatan di Shanghai ketika menghadiri Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), digunakan untuk bertemu muka dan bertukar pendapat.

Mengapa konflik Asia Barat perlu diselesaikan dahulu?

Peperangan Amerika Syarikat dengan puak Taliban dan gerakan Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden di Afghanistan bukan terbatas kepada pihak yang bertikai saja. Ia turut membabitkan banyak negara, malah turut dikaitkan dengan peperangan agama.

Konflik di Asia Barat yang membabitkan Palestin dianggap sebagai punca tercetusnya masalah besar hari ini. Selama ini, tindak-tanduk Amerika Syarikat sering dilihat memihak kepada Israel. Apabila rakyat Palestin dibunuh, Amerika Syarikat mengambil sikap mendiamkan diri. Tindakan atau campur tangan kuasa besar itu sering saja memihak kepada Israel. Rundingan demi rundingan yang diusahakan Amerika Syarikat tidak menampakkan hasil positif, malah ditakrifkan sebagai ada udang di sebalik batu.

Arahan melucutkan senjata seolah-olah disambut oleh sebelah pihak saja. Ketika rakyat Palestin meletakkan senjata, tentera Israel bermaharajalela. Rakyat Palestin yang dikaitkan dengan perjuangan Islam sentiasa berada

pada pihak yang teraniaya sedangkan mereka memperjuangkan hak di bumi mereka sendiri.

Ini menimbulkan kemarahan umat Islam dalam dan luar Palestin sendiri. Itulah sebabnya sesetengah penganalisis mengaitkan serangan di WTC dan Pentagon mempunyai kaitan rapat dengan isu Palestin.

Mereka mengatakan tidak ada bezanya kematian dalam serangan nekad itu dengan kematian rakyat Palestin di tangan tentera Israel. Bagi mereka hanya cara yang berbeza - tidak dapat tanduk, telinga dipulas.

Memang cara serangan yang dilakukan dianggap tindakan pengganas dan dikutuk kerana ramai mangsa yang tidak berdosa turut terkorban. Tetapi, mereka juga mengatakan apa bezanya serangan pesawat Amerika Syarikat di Afghanistan kerana ramai rakyat yang tidak berdosa juga menjadi korban.

Sebagaimana diminta, Dr Mahathir mengemukakan formulanya. Jika mahu isu pengganas diselesaikan, Amerika Syarikat perlu bersetuju menyelesaikan punca masalah. Terpulanglah kepada Bush. Tidak guna mencari Osama sebagai orang yang paling disyaki hingga ke lubang cacing kerana lebih banyak serangan dilancarkan, lebih ramai orang awam yang akan mati. Lama-kelamaan, Amerika Syarikat akan kehilangan sokongan apabila dunia mula bersimpati dengan penderitaan rakyat Afghanistan, sama ada yang mati atau pun menjadi pelarian.

(END)